

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : TRAGEDI

Dua pelajar masih kritikal

→ Mangsa dirawat di ICU, HKL belum sedarkan diri

■ **Bukit Mertajam**

Dua pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur yang terbabit dalam kebakaran kelmarin masih kritis.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata dua pelajar lelaki berusia belasan tahun itu dirawat di Unit Rawatan Rapi, Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan sehingga petang semalam masih belum sedarkan diri.

"Keadaan dua pelajar yang parah itu memang kritis dengan seorang daripadanya melecur teruk serta darah masih keluar dari badannya manakala seorang lagi cedera dalam, termasuk patah tulang rusuk dan tercucuk paru-paru mangsa."

"Pasukan perubatan sedaya upaya memberi rawatan terbaik kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Perarakan Hari Malaysia Peringkat Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Pulau Pinang di Permatang Pauh, di sini semalam.

Dalam kejadian itu, 21 pelajar dan dua guru terkorban dalam

kebakaran pada jam 5.15 pagi kelmarin.

Enam pelajar lain dan seorang awam turut cedera dalam kebakaran.

Hilmi yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau berkata, empat pelajar dan seorang awam yang cedera dalam kejadian itu dilaporkan stabil dan masih menerima rawatan di HKL.

"Mereka yang lain itu mengalami pelbagai kecederaan antaranya patah tangan, patah kaki, patah pinggang, patah tulang rusuk, patah punggung dan dalam latihan saya semalam (kelmarin) ke hospital mendapat mereka stabil.

"Mereka tercedera selepas terjun dari bangunan pusat tahfiz berkenaan kerana mahu menyelamatkan diri.

"Cuma seorang yang tidak cederera kerana dia menyelamatkan diri dengan menggelongsor menerusi batang paip," katanya.


Proses DNA selesai awal

Sementara itu, beliau berkata ujian asid deoksiribonukleik (DNA) semua mangsa dapat diselesaikan lebih awal berbanding jangkaan kerana mendapat bantuan doktor dan petugas daripada hospital berdekatan, iaitu Hospital Ampang dan Hospital Selayang yang membantu petugas Institut Perubatan dan Forensik Negara.

"Kami mempunyai pasukan perubatan yang cukup malah dibantu doktor dari hospital berdekatan bagi mempercepat proses DNA berkenaan," katanya. BERNAMA



Keluarga pelajar tidak dapat menahan sebak ketika menuntuk jenazah di Hospital Kuala Lumpur, semalam.



Jenazah diusung keluar dari Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN), Hospital Kuala Lumpur, semalam.



Keadaan dua pelajar yang parah itu memang kritis dengan seorang daripadanya melecur teruk serta darah masih keluar dari badannya"

**Dr Hilmi Yahaya,
Timbalan Menteri Kesihatan**